



KEBERKESANAN BCTal TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3



JAYAAISREE A/P SUBRAMANIAM



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, JAYAAISREE A/P SUBRAMANIAM M20241000953 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN BCTaI TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ILANGKUMARAN A/L SIVANADHAN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN BCTaI TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN DALAM BAHASA TAMIL (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KEBERKESANAN BCTaI TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA TAMIL DALAM KALANGAN

MURID TAHUN 3

No. Matrik /:

Matric's No.:

M20241000953

Saya / I am:

JAYAAISREF A/P. SUBRAMANIAM

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. / *If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as **CONFIDENTIAL** or **LIMITED**, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as **LIMITED** or **CONFIDENTIAL**.*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. ILANGKUMARAN SIVANADHAN
Senior Lecturer
Department of Modern Languages

(Tandatangan Penaja/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh/Date: 26/12/2025

Tarikh/Date: 26/12/2025



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan, kerana pengkaji dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan sepanjang tempoh pengajian serta pelaksanaan penyelidikan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia tesis yang telah membimbing, menasihati serta memberi tunjuk ajar yang amat berharga sepanjang proses penyediaan tesis ini. Kesabaran dan komitmen beliau dalam memberikan pandangan akademik, idea serta teguran yang membina amat dihargai dan menjadi pemangkin kepada penyempurnaan tesis ini secara sistematik dan berfokus. Seterusnya, penghargaan ditujukan kepada pihak pentadbir sekolah, guru-guru serta murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Kerjasama, sokongan dan keterbukaan yang diberikan telah banyak membantu pengkaji dalam melaksanakan penyelidikan dengan lancar dan beretika. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi moral, perkongsian idea serta dorongan sepanjang tempoh pengajian. Segala bantuan dan kebersamaan yang diberikan amat bermakna dan dihargai. Akhir sekali, penghargaan istimewa dirakamkan kepada ahli keluarga tersayang atas pengorbanan, kesabaran dan sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang pengajian ini. Semoga hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang Pendidikan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan penggunaan Buku Cerita Digital Bahasa Tamil (BCTal) sebagai bahan bacaan digital dalam meningkatkan Kemahiran membaca murid Tahun 3 di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), khususnya dari aspek pengecaman perkataan, kelancaran membaca ayat, kefahaman membaca petikan serta minat dan penglibatan murid dalam aktiviti membaca. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes dengan pemilihan peserta secara persampelan bertujuan yang melibatkan 30 orang murid Tahun 3 daripada dua buah SJKT di negeri Selangor, iaitu sebuah sekolah luar bandar dan sekolah bandar. Pengumpulan data dilaksanakan melalui ujian pra dan ujian pasca sebagai data sokongan, pemerhatian berstruktur serta Rekod Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Tahun 3, manakala data dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti perkembangan kemahiran membaca murid sebelum dan selepas intervensi penggunaan BCTal. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang jelas dalam kemahiran membaca murid selepas penggunaan BCTal, khususnya dalam keupayaan membaca perkataan, ayat dan petikan Bahasa Tamil dengan lebih lancar. Kesimpulannya, penggunaan BCTal didapati berkesan sebagai bahan bacaan digital yang menyokong pembelajaran membaca Bahasa Tamil dalam konteks bilik darjah sebenar. Impikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bacaan digital berasaskan multimedia seperti BCTal berpotensi membantu guru mempelbagaikan pendekatan pengajaran serta memperkukuh pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran kemahiran membaca murid sekolah rendah.



EFFICIENCY BCTal TO IMPROVE TAMIL READING SKILLS AMONG YEAR 3 STUDENTS

ABSTRACT

This study aims to evaluate the effectiveness of using a Tamil Digital Storybook (BCTal) as a digital reading material in improving the reading skills of Year 3 pupils in Tamil Primary Schools(SJKT), particularly in word recognition, sentence reading fluency, text comprehension, as well as pupils' attitudes, interest and engagement in reading activities. This study employed a qualitative case study approach, with participants selected through purposive sampling involving 30 Year 3 pupils from two SJKTs in Selangor, comprising one urban school and one rural school. Data were collected through pre-test and post-test as supporting data, structured observation, and Classroom-Based Assessment (PBD) records aligned with the Year 3 Tamil Language Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP), and were analysed using descriptive and thematic analysis to identify patterns of change and development in pupils' reading skills before and after the implementation of BCTal. The findings indicate a clear improvement in pupils' reading skills after the use of BCTal, particularly in reading words, sentences and passages more fluently and accurately, accompanied by positive changes in pupils' attitudes, confidence and active participation in reading activities. In conclusion, BCTal is found to be an effective digital reading material that supports Tamil reading instruction in authentic classroom contexts. The implications of this study suggest that multimedia-based digital reading materials such as BCTal can assist teachers in diversifying instructional strategies and strengthening the implementation of classroom-based assessment to enhance reading skill development among primary school pupils.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISANError! Bookmark not defined.

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN KERTAS PROJEK..... Error! Bookmark not defined.

PENGHARGAAN..... iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGANvii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH.....xiii

SENARAI SINGKATAN.....xiv

SENARAI LAMPIRAN.....xv

Pengenalan 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian..... 2

1.3 Pernyataan Masalah..... 5

1.4 Objektif Kajian 8

1.5 Persoalan Kajian..... 8

1.6 Kepentingan Kajian 9



1.6.1	Warga pendidik	9
1.6.2	Murid.....	10
1.7	Pentadbir Sekolah.....	11
1.8	Batasan Kajian.....	11
9.0	Definisi Istilah dan Pengoperasian	12
9.1	"BCTal"	12
9.2	Kemahiran Membaca	13
9.3	Bahan Bantu Mengajar (BBM)	14
9.4	Virtual Reality (VR).....	15
10.0	Kesimpulan	16
TINJAUAN LITERATUR		17
2.1	Pendahuluan.....	17
2.2	Kajian Berkaitan Teori.....	18
2.2.1	Teori Multimedia Learning	18
i.	Prinsip-prinsip teori multimedia learning	19
2.3	Kajian - kajian Lepas	20
2.3.1	Bahan Bantu Mengajar	20
2.3.2	Kemahiran Membaca	24
2.3.3	Kajian Lepas berasaskan Media	27
2.4	Jurang Penyelidikan	29
2.5	Kesimpulan.....	30
METODOLOGI		32

3.1 Pendahuluan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
I. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil.....	34
II. Rekod Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	34
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	35
3.4 Instrumen Kajian.....	36
3.4.1 Ujian Pra dan Ujian Pasca	37
3.4.2 Pemerhatian Berstruktur	38
3.4.3 Rekod Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).....	39
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	40
3.5.1 Penyediaan Instrumen Kajian	40
3.5.2 Pelaksanaan Ujian Pra	41
3.5.3 Pelaksanaan Intervensi Menggunakan BCTal	41
3.5.4 Pelaksanaan Ujian Pasca.....	41
3.5.5 Penilaian Menggunakan Rekod Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)	42
3.5.6 Pencatatan dan Penyimpanan Data	42
3.6 Kaedah Menganalisis Data.....	43
3.6.1 Analisis Kandungan	44
3.6.2 Garis Masa Kajian	44
3.7 Kesimpulan	45
DAPATAN KAJIAN.....	47
4.1 Pendahuluan.....	47

4.2 Analisis Keputusan.....	48
4.2.1 Keputusan Ujian Pra	48
4.3 Analisis Dapatan Kemahiran Membaca Dalam Ujian Pra	49
4.4 Analisis Keputusan.....	59
4.4.1 Keputusan Ujian Pasca.....	59
4.5 Analisis Dapatan Kemahiran Membaca Dalam Ujian Pasca.....	60
5.6 Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca.....	71
4.7 Dapatan Pemerhatian semasa Intervensi BCTal.....	74
4.7.1 Keputusan Kaedah Pemerhatian.....	75
4.8 Kesimpulan	78
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	80
5.1 Pendahuluan.....	80
5.2 Ringkasan Kajian.....	81
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	82
5.4 Cadangan Tindakan Susulan	83
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.6 Kesimpulan.....	84
RUJUKAN	86
LAMPIRAN	90

**SENARAI JADUAL**

No.Jadual	Muka Surat
4.2.1 Skala Pencapaian	48
I. Sekolah Luar Bandar	
4.3.1: Markah Soalan Bahagian A dalam Ujian Pra	49
4.3.2: Markah Soalan Bahagian B dalam Ujian Pra	50
4.3.3: Markah Soalan Bahagian C dalam Ujian Pra	51
II Sekolah Bandar	
4.3.5: Markah Soalan Bahagian A dalam Ujian Pra	54
4.3.6: Markah Soalan Bahagian B dalam Ujian Pra	55
4.3.7: Markah Soalan Bahagian C dalam Ujian Pra	56
III Sekolah Luar Bandar	
4.4.2: Skala Pencapaian	59
4.5.1: Markah Soalan Bahagian A dalam Ujian Pasca	60
4.5.2: Markah Soalan Bahagian B dalam Ujian Pasca	62
4.5.3: Markah Soalan Bahagian C dalam Ujian Pasca	63



IV Sekolah Luar Bandar

4.5.5: Markah Soalan Bahagian A dalam Ujian Pasca 66

4.5.6: Markah Soalan Bahagian B dalam Ujian Pasca 67

4.5.7: Markah Soalan Bahagian C dalam Ujian Pasca 68

i. Sekolah Luar Bandar

4.6.1: Markah Ujian Pra dan Pasca 71

ii. Sekolah Bandar

4.6.2: Markah Ujian Pra dan Pasca 73

4.7.2 Keputusan Menyeluruh Sesi Pemerhatian Di Dalam Kelas 75

(Sekolah Luar bandar dan Sekolah bandar)

4.7.3 Keputusan Menyeluruh Tingkah laku murid semasa 77

menggunakan BCTal Intervensi (Sekolah Luar Bandar dan

Sekolah Bandar)

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
4.3.4 Keputusan Keseluruhan Ujian Pra Mengikut Bahagian Soalan Di Sekolah (Luar Bandar)	53
4.3.8 Keputusan Keseluruhan Ujian Pra Mengikut Bahagian Soalan Di (Sekolah Bandar)	58
4.5.4 Keputusan Keseluruhan Ujian Pasca Mengikut Bahagian Soalan Di (Sekolah Luar Bandar)	65
4.5.8 Keputusan Keseluruhan Ujian Pasca Mengikut Bahagian Soalan Di (Sekolah Bandar)	70



SENARAI SINGKATAN

BCTal	Buku Cerita Digital
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BT	Bahasa Tamil
ICT	Information dan Communication Technology
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi





SENARAI LAMPIRAN

- A1 Borang Pemerhatian Berstruktur (Tingkah laku murid semasa PdP membaca - Pra intervensi)
- A2 Borang Pemerhatian Berstruktur (Tingkah laku murid semasa menggunakan BCTal- Intervensi)
- B1 Kertas Ujian Pra & Pasca
- C1 Tangkap gambar bahan daripada BCTal





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan perkara asas dalam penyelidikan "Keberkesanan BCTal Terhadap Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid Tahun 3". Kemahiran membaca merupakan komponen penting dalam pembelajaran bahasa kerana ia menjadi asas kepada pencapaian akademik murid. Menurut Abdul (2011), membaca melibatkan keupayaan mengenali simbol, menghubungkannya kepada bunyi, dan seterusnya memahami makna. *Teori Simple View of Reading* oleh Gough dan Tumer (1986) menjelaskan bahawa membaca memerlukan dua komponen utama iaitu dekoding dan kefahaman.

Namun begitu, isu kelemahan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kekal membimbangkan. Harian Metro (2024), melaporkan bahawa masih terdapat murid Tahap 1 yang gagal menguasai bacaan asas. Selain itu, laporan Utusan Malaysia oleh Juani Munir (2023), menyatakan sebanyak 269,332 murid sekolah rendah belum menguasai kemahiran membaca, menulis, dan mengira (3M). Hal ini menunjukkan





pentingnya intervensi pengajaran yang lebih menarik dan relevan. Perkembangan teknologi Pendidikan turut mendorong penggunaan multimedia seperti audio, visual dan animasi dalam PdPc. Menurut Patrick (2024), BBM digital dapat meningkatkan penglibatan murid dengan cara yang lebih interaktif. Dalam masa yang sama, Nur Faizahton (2023), penggunaan multimedia juga membolehkan guru mempelbagaikan Teknik pengajaran dengan tidak hanya bergantung kepada tradisional iaitu menggunakan buku teks. Oleh itu, bahan digital seperti BCTal (Buku Cerita Digital) diperkenalkan bagi meningkatkan minat dan kemahiran membaca murid Tahun 3.

1.2 Latar Belakang Kajian



Bahasa Tamil telah diiktiraf sebagai salah satu mata pelajaran yang diserapkan ke dalam sistem pendidikan formal di Malaysia hampir di setiap peringkat. Menurut Karthegees (2021), mata pelajaran bahasa Tamil telah diserapkan secara rasmi sebagai mata pelajaran elektif pada tahun 1962. Kurikulum Bahasa Tamil digubal bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Dalam bidang pendidikan, matlamat kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Rendah adalah untuk melengkapi murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian.

Kajian ini berkaitan dengan kemahiran membaca. Menurut Abdul (2011), membaca ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-





lambang yang semula jadi kepada bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu (Zaini, 2012). Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa membaca ialah menyuarakan tulisan, mengambil isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya. Sehubungan itu, jelaslah bahawa kemahiran membaca adalah kemahiran asas utama dalam setiap pembelajaran. Setiap murid seharusnya mempunyai kemahiran untuk membaca supaya mereka dapat menjalankan semua proses P&P dengan berkesan. Menurut Zaini (2012), kegagalan menguasai kemahiran membaca akan menyebabkan murid tidak dapat membaca dengan betul malah mereka tidak akan dapat menjawab soalan yang akan dikemukakan kelak. Maka, pengkaji telah mengambil kesempatan ini untuk menjalankan kajian terhadap peserta kajian yang mengalami masalah dalam kemahiran membaca. Kajian ini bertujuan terhadap kemahiran membaca murid dengan sebutan dan intonasi yang betul lantas memupuk minat membaca dalam murid dengan menggunakan "BCTal".



BCTal merupakan sebuah bahan bacaan yang berbentuk digital. Akronim "BCTal" membawa maksud "Buku Cerita Digital". Keunikan "BCTal" ini ialah, bahan ini dihasilkan dalam canva video yang lengkap dengan animasi, audio dan grafik untuk menarik minat murid. Dalam konteks ini, pengkaji telah menerapkan unsur Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam menyediakan bahan bantu mengajar. Menurut Vespanathan (2015), pengaplikasian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) yang tepat dan betul dalam sistem pendidikan, mampu untuk memantapkan lagi proses PdPc berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Oleh itu, kelebihan BCTal ialah murid-murid akan tertarik dengan buku jenis digital, dan secara tidak langsung menarik minat mereka terhadap sesi PdPc. Menurut, Yazmi & Ahmad (2022), murid akan berasa bosan dan jemu dengan hanya belajar menggunakan buku semata-mata.





Lantaran itu, pengkaji memilih BCTal sebagai bahan bantu mengajar kerana bahan ini ada penerapan unsur TMK. Aplikasi yang digunakan seperti animasi dan penggunaan imej dan visual yang menarik dan berwarna-warni sekali gus dapat menarik lagi minat murid untuk terus mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kesan audio dan imej suara yang menarik dapat mengelakkan murid daripada mudah berasa jemu dan bosan menjalani proses pembelajaran dan pengajaran kerana lebih tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui TMK. Dalam pembangunan “BCTal”, pengkaji turut mengambil inspirasi daripada teknologi pembelajaran moden seperti Virtual Reality (VR) yang memberi pengalaman imersif dan interaktif kepada pengguna. Menurut Mirault et al., (2021), VR telah terbukti membantu menilai dan meningkatkan kelancaran membaca kanak-kanak melalui elemen visual dan pengalaman interaktif. Walaupun BCTal tidak menggunakan VR secara penuh, konsep animasi, visual dinamik dan elemen interaktif yang diterapkan dalam BCTal sejajar dengan pendekatan VR yang menekankan penglibatan murid secara mendalam aktiviti membaca (Panagiotidis, 2021). Pengkaji juga telah menambah elemen animasi dan transisi untuk menarik minat murid, serta menyediakan arahan yang jelas pada slaid supaya murid-murid dapat mengakses BCTal dengan mudah dan tanpa bantuan guru.

Dalam kajian ini BCTal akan berfungsi sebagai bahan bantu mengajar untuk mengatasi masalah kemahiran membaca. Bahan bantu mengajar sama ada elektronik atau bukan elektronik adalah bahan sokongan yang penting terhadap kefahaman murid-murid di samping mengekalkan minat belajar (Jumhuri, 2025). Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) merupakan sebahagian daripada usaha guru bagi memberangsangkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran. Menurut Hamdan (2011), penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan menarik dalam





proses pengajaran asas bacaan adalah penting kerana BBM dapat meningkatkan kejayaan pembelajaran. Selari dengan perkembangan ini, unsur VR dalam pembelajaran telah menunjukkan potensi meningkatkan motivasi, tumpuan dan interaksi murid dalam aktiviti literasi Mirault et al., (2021). Oleh itu, penerapan elemen seperti animasi, transisi, visual imersif dan audio dalam BCTal menjadikan bahan ini lebih dekat dengan pendekatan VR, sekali gus berpotensi meningkatkan minat serta kemahiran membaca murid-murid tahun rendah.

1.3 Pernyataan Masalah

Menurut Van Diggele (2020), sesuatu proses pembelajaran dan pemudahcaraan(PdPc) dianggap berkesan sekiranya warga pendidik telah menyediakan bahan, mengenali isi kandungan yang hendak disampaikan dan mengenalpasti cara pengajaran yang sesuai sebelum proses pembelajaran dan pemudahcaraan(PdPc). Selain itu, beliau juga menyatakan pendidik perlu mengetahui tahap pemahaman murid dalam memahami pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), dapat mengawal sikap murid, memberi dorongan kepada murid supaya belajar dengan rajin dan kerap memberi pentaksiran kepada murid. Sehubungan itu, kualiti sesuatu pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dilihat daripada keupayaan seseorang pendidik mengajar dalam situasi yang baik serta dapat meningkatkan motivasi intrinsik murid.

Menurut Sahidin & Taat (2020) pula, semasa proses PdPc subjek Sejarah dilaksanakan, masih terdapat warga pendidik yang menggunakan teknik membaca buku teks dan hal ini menyebabkan murid kurang minat ketika pengajaran dalam kelas. Pendekatan "chalk and talk" sudah menjadi suatu norma biasa di dalam kelas. Dalam





konteks ini, jika isu ini berterusan, murid tidak akan tertarik dengan subjek tersebut, seterusnya kurang berminat untuk menghadiri kelas Sejarah. Hal ini akan menguatkan lagi pendapat para murid yang berasa mata pelajaran tersebut ialah mata pelajaran yang membosankan. Sekiranya warga pendidik menggunakan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang berpusatkan murid serta bersesuaian dengan isi pelajaran maka ia akan menarik minat murid terhadap subjek tersebut. Secara tidak langsung, pembelajaran akan berjalan dengan lancar dan prestasi akademik pelajar akan meningkat. Tegasnya, warga pendidik harus mengubah strategi pengajaran mereka dengan menerapkan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam sesi PdPc mereka. Menurut Ghavifekr & Rosdy (2015), guru-guru perlu menyediakan bahan interaktif yang kreatif menggunakan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) untuk digunakan dalam sesi PdPc untuk menarik minat murid. Oleh itu, guru perlu beralih kepada PdPc yang berasaskan (TMK), misalnya dengan menyediakan BBM interaktif dan Teknik permainan digital untuk meningkatkan penglibatan murid.

Di samping itu, masih terdapat guru yang kurang berminat mengintegrasikan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Nor Asiah, 2019). Hal ini demikian kerana, warga pendidik tidak yakin mengaplikasikan TMK kerana kekangan Kemahiran dan kesukaran mengurus peralatan digital semasa PdPc. Menurut kajian Umar & Hassan (2015), beliau berpendapat bahawa tahap penggunaan ICT dalam kalangan warga pendidik, masih terdapat segelintir yang tidak setuju bagi memperkasa PdPc berasaskan teknologi. Kajian ini melibatkan 7,320 orang guru seluruh Malaysia dan dapatan menunjukkan bahawa sebahagian guru tidak bersedia, dan tidak menggunakan ICT secara konsisten dalam pengajaran walaupun kemudahan telah disediakan. Sikap keberatan guru untuk berubah juga dipengaruhi oleh ketidakselesaan menggunakan peralatan ICT walaupun ia telah





lama diperkenalkan. Menurut Muniandy & Kamsin (2024), turut menyatakan bahawa pelaksanaan pembelajaran digital di sekolah rendah di Malaysia berdepan dengan pelbagai kekangan seperti kemahiran teknikal dan infrastruktur terhad. Kekurangan kesediaan ini menyebabkan integrasi TMK tidak dapat dijalankan sepenuhnya dan memberi kesan terhadap kualiti PdPc serta keberhasilan kurikulum.

Bukan itu sahaja, murid Tahun 3 masih menghadapi kelemahan dalam kemahiran membaca Bahasa Tamil. Menurut Kuppusamy. G. (2025) mendapati murid keliru huruf, suku kata dan kesukaran membaca ayat panjang. Murid juga kurang pendedahan kepada bahan bacaan digital Tamil yang menarik, menyebabkan motivasi membaca rendah. Hal ini menunjukkan keperluan intervensi pengajaran yang lebih interaktif seperti “BCTal”.

Walaupun penggunaan teknologi semakin meluas, bahan digital interaktif khusus untuk pembelajaran Bahasa Tamil masih terhad. Mukayah et al. (2022) membuktikan bahawa penggunaan Augmented Reality (AR) dapat meningkatkan kemahiran membaca perkataan Tamil. Namun, bahan digital berbentuk cerita interaktif seperti BCTal masih kurang digunakan untuk murid sekolah rendah, menyebabkan guru kekurangan sumber inovatif untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca.

Menurut Manugaran et al. (2022), mendapati bahawa penggunaan multimedia seperti permainan komputer dalam Bahasa Tamil meningkatkan kefahaman, motivasi dan penglibatan murid. Namun, bahan benar-benar membantu proses sebutan dan kefahaman membaca masih terhad. Dengan ini, bahan seperti BCTal yang menggabungkan animasi, visual berwarna-warni, audio, dan arahan interaktif berpotensi menjadi intervensi yang sesuai untuk murid Tahun 3.





Justeru, atas kesedaran betapa pentingnya penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc, pengkaji telah berusaha untuk melakukan satu kajian untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan "BCTal" dari aspek kemahiran, minat dan penglibatan murid dalam aktiviti membaca.

1.4 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Menenalpasti tahap minat murid Tahun 3 terhadap penggunaan "BCTal".
- b) Menenalpasti tahap penglibatan murid Tahun 3 melalui penggunaan "BCTal".
- c) Menganalisis keberkesanan BCTal terhadap kemahiran membaca berasaskan Bahasa Tamil.

1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang telah dibentuk adalah seperti yang berikut:

- a) Apakah tahap minat murid Tahun 3 terhadap penggunaan "BCTal"?
- b) Bagaimanakah tahap penglibatan murid Tahun 3 melalui penggunaan "BCTal"?
- c) Sejauh manakah BCTal berkesan meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Tamil?





1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan "BCTal" dari aspek kemahiran, minat dan penglibatan murid dalam aktiviti membaca. Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat membantu murid-murid terhadap kemahiran membaca mereka dengan menggunakan "BCTal", lantas meningkatkan minat dan penglibatan murid terhadap aktiviti membaca. Kepentingan kajian ini juga berfokus kepada:

1.6.1 Warga pendidik

Kajian ini dapat memberi banyak manfaat kepada warga pendidik kerana penggunaan "BCTal" akan memudahkan proses pengajaran guru, sekaligus menjimatkan masa dan tenaga guru. Hal ini demikian kerana, bahan yang dibina dalam "BCTal" boleh digunakan berulang kali kepada kumpulan murid yang berbeza tanpa memerlukan penghasilan bahan baharu bagi setiap PdPc. Melalui pelaksanaan kajian ini, warga pendidik juga berpeluang meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan dan keberkesanan penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dalam proses pembelajaran. Dapatan ini seiring dengan penemuan Ghavifekr et al. (2014) yang mendapati bahawa penggunaan komputer dan membantu guru mengurangkan kebergantungan kepada bahan tradisional serta menjimatkan masa penyediaan bahan mengajar. Oleh itu, penggunaan BCTal bukan sahaja menyokong kelebihan TMK dalam PdPc, malah mampu meningkatkan pengurusan bahan PdPc dalam melaksanakan pendekatan digital yang lebih efisien dan inovatif.





1.6.2 Murid

Kebaikan kajian ini kepada para murid ialah, "BCTal" yang dihasilkan oleh pengkaji melalui perisian powerpoint dipercayai dapat membantu murid-murid tahun dua terhadap kemahiran membaca mereka. Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dinyatakan sebagai salah satu elemen yang terdapat dalam bahagian Elemen Merentas Kurikulum (EMK), iaitu sebagai unsur nilai tambah yang diserapkan dalam proses PdPc selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Menurut Ghavifekr & Wan Rosdy (2015) penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak memberi kesan yang baik kepada murid-murid khususnya yang di sekolah rendah.

Sehubungan itu, melalui penggunaan "BCTal" sebagai alat bantu mengajar, proses pembelajaran dan pemudahcaraan akan menjadi lebih menarik dan berkesan. Misalnya, penggunaan animasi, transisi, visual yang cantik dan bunyi akan menarik minat murid terhadap sesi pembelajaran. Melalui cara ini, proses PdPc dapat dijalankan dengan lebih mudah, ringkas dan padat kerana murid akan didedahkan dengan gambaran dan persembahan menarik serta mudah untuk difahami. Oleh itu, murid tidak akan mudah berasa jemu dan bosan dalam menjalani proses PdPc kerana tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui TMK. Dapatan ini disokong oleh kajian Dunstan & Ismail (2024) yang menjelaskan bahawa intervensi berasaskan bahan multimedia mampu meningkatkan minat serta motivasi murid sekolah rendah khususnya dalam aktiviti membaca. Di samping itu, kajian ini juga penting untuk memastikan murid-murid dapat membaca dengan lancar. Jika murid dapat membaca dengan lancar, mereka akan menumpukan perhatian semasa sesi PdPc dan melibatkan diri dalam semua aktiviti kelas yang dirancang oleh guru. Selain itu, jika murid sudah dapat menguasai kemahiran membaca, sudah tentu mereka dapat membaca dan



menyelesaikan soalan peperiksaan. Hal ini secara tidak langsung, akan membantu meningkatkan pencapaian akademik murid-murid tersebut.

1.7 Pentadbir Sekolah

Kajian ini penting untuk pihak pentadbir sekolah kerana dalam bidang pendidikan, mata pelajaran Bahasa Tamil (BT) merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua murid SJK(T). Di peringkat sekolah pula, kajian ini sangat relevan kerana dapat meningkatkan peratus kelulusan murid yang akan mengangkat nama dan kedudukan sekolah.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada penilaian keberkesanan penggunaan BCTal dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Tamil murid Tahun 3 dari aspek kemahiran, minat dan penglibatan. Kajian melibatkan dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di negeri Selangor, iaitu 15 pelajar dari sekolah bandar dan 15 pelajar dari sekolah luar bandar. Seramai 30 orang murid Tahun 3 terlibat dalam pemerhatian awal, yang terdiri daripada murid sekolah bandar dan luar bandar. Murid yang terlibat dikenal pasti mempunyai tahap penguasaan membaca pada aras sederhana dan lemah berdasarkan pemerhatian awal dan ujian lisan yang dijalankan. Pemilihan murid dibuat berdasarkan ciri kelemahan membaca yang jelas seperti kesukaran mengeja suku kata,



kekeliruan huruf hampir serupa, ketidakupayaan menyesuaikan intonasi bacaan dengan tanda baca, kelemahan membaca ayat panjang serta tahap minat membaca yang rendah.

Pemilihan murid Tahun 3 sebagai kumpulan sasaran adalah selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil, yang menetapkan bahawa murid pada tahap ini mula beralih daripada bacaan asas kepada bacaan bermakna melalui teks naratif pendek. Walau bagaimanapun, memandangkan kajian ini hanya melibatkan dua buah sekolah di Selangor, dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi murid Tahun 3 di Malaysia. Namun demikian, batasan ini membolehkan kajian dijalankan secara lebih terfokus dan mendalam bagi menilai keberkesanan penggunaan BCTal dalam menyokong perkembangan literasi awal murid.

9.0 Definisi Istilah dan Pengoperasian

Pengkaji akan mendefinisikan beberapa perkataan atau istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti yang berikut bagi mengelakkan kesalahan dan pemahaman oleh pembaca.

9.1 "BCTal"

"BCTal" merujuk kepada bahan bacaan digital interaktif yang dibangunkan khusus bagi tujuan meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Tamil murid sekolah rendah.



Akronim "BCTal" membawa maksud "Buku Cerita Digital", iaitu bahan bacaan maya yang direka dalam bentuk reality maya (VR) bagi memberikan pengalaman membaca yang lebih imersif dan menyerupai situasi dunia sebenar. Tidak seperti paparan slaid biasa, BCTal membolehkan murid menelusuri halaman cerita dalam ruang 3D seolah-olah mereka menyelak helaian buku sebenar, namun dalam bentuk maya dan responsive terhadap pergerakan.

Bahan ini turut diperkaya dengan animasi, visual berwarna, kesan bunyi serta naratif audio yang dibina bagi menyokong penegasan suku kata dan perkataan ketika murid membaca. Melaui paparan VR, murid dapat membaca sambil berinteraksi dengan elemen visual yang bergerak sekali gus mengekalkan fokus dan meningkatkan keterlibatan mereka terhadap bahan. Pendekatan ini selari dengan asas pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc, di mana elemen digital yang tepat berpotensi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan (Vespanathan, 2015). Oleh itu, BCTal bukan sahaja bertindak sebagai buku cerita elektronik, malah sebagai ruang pembelajaran maya yang dapat menarik minat membaca, dan memotivasikan murid untuk terus meneroka bahan bacaan.

9.2 Kemahiran Membaca

Kemahiran merujuk kepada kebolehan, kepintaran dan kecekapan individu dalam melaksanakan sesuatu tugas. Dalam konteks kajian ini, kemahiran ditariffkan sebagai tahap penguasaan dan kecekapan murid dalam melaksanakan aktiviti membaca. Menurut Zaini (2012), membaca merangkumi kepayaan mengenal lambang-lambang tulisan, memadankan simbol grafik kepada bunyi bahasa serta memahami makna atau





tanggapan yang disampaikan oleh teks bertulis. Oleh itu, membaca bukan sekadar proses menyuarakan tulisan, tetapi turut melibatkan proses mental untuk memperoleh maklumat dan menafsirkan idea yang terkandung dalam bahan bacaan. Sehubungan itu, kemahiran membaca merupakan asas utama dalam pembelajaran kerana ia menjadi prasyarat kepada penguasaan ilmu dalam semua mata pelajaran. Justeru, setiap murid perlu menguasai kemahiran membaca dengan baik agar pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc) dapat berjalan dengan berkesan dan bermakna.

9.3 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan Bantu Mengajar (BBM) merujuk kepada sebarang bentuk bahan, media atau sumber yang digunakan oleh guru bagi menyokong penyampaian isi pelajaran dalam proses PdPc. BBM berfungsi sebagai pemudah cara pembelajaran yang dapat memperjelas konsep, meningkatkan interaksi serta membantu murid memahami isi pelajaran secara lebih berkesan. Dalam konteks kajian ini, BCTal merupakan BBM utama yang diaplikasikan bagi meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Tamil murid Tahun 3. BCTal dibangunkan dalam bentuk bahan bacaan digital interaktif berasaskan reality maya (VR), yang menggabungkan animasi, visual dinamik, audio serta elemen interaktif yang merangsang tumpuan murid. Bahan ini bertindak bukan hanya sebagai buku bacaan digital, tetapi sebagai medium pembelajaran yang membolehkan murid meneroka teks secara imersif seolah-olah berada dalam ruang penceritaan sebenar. Penggunaan BCTal dijangka dapat menarik minat murid untuk membaca, meningkatkan penglibatan sepanjang PdPc serta secara tidak langsung membantu mengukuhkan pencapaian akademik mereka dalam literasi membaca Bahasa Tamil.





9.4 Virtual Reality (VR)

Virtual Reality (VR) merujuk kepada teknologi simulasi digital tiga dimensi (3D) yang membolehkan pengguna berinteraksi dalam persekitaran maya seolah-olah berada dalam ruang sebenar. Dalam konteks Pendidikan, VR digunakan sebagai medium pengajaran yang mewujudkan pengalaman pembelajaran imersif melalui paparan visual, animasi, audio serta pergerakan yang responsif kepada tindakan pengguna. Teknologi ini memberi peluang kepada murid untuk meneroka, melihat serta mengalami situasi pembelajaran secara lebih dekat dan realistik berbanding kaedah tradisional.

Penggunaan VR dalam PdPc menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan kelancaran membaca dan motivasi murid. Kajian Qiaoqiao Ma (2023), mendapati bahawa intervensi pembelajaran berasaskan VR dapat memperbaiki kelancaran bacaan serta mengurangkan rasa bosan dalam kalangan murid yang lemah membaca. Selain itu, Mirault et al. (2021) turut melaporkan bahawa VR boleh digunakan untuk menilai dan menyokong perkembangan kemahiran membaca kanak-kanak melalui penyampaian visual yang menarik dan terarah. Pengalaman pembelajaran yang lebih realistik dan mendalam ini membantu murid kekal fokus, terlibat dan terdorong untuk membaca secara berterusan.

Selaras dengan dapatan tersebut, penggunaan VR dalam Pembangunan ‘BCTal’ menjadikan bahan ini bukan sekadar buku cerita digital, tetapi satu ruang pembelajaran maya yang lebih interaktif, menyeronokkan dan kondusif untuk meningkatkan kemahiran membaca murid Tahun 3. Pendekatan VR juga selari dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penguasaan teknologi, pemikiran kritis dan penglibatan aktif murid dalam PdPc.





10.0 Kesimpulan

Bab ini telah membentangkan asas penyelidikan berkaitan keberkesanan BCTal sebagai bahan digital dalam meningkatkan Kemahiran membaca Bahasa Tamil murid Tahun 3. Latar belakang dan pernyataan masalah menjelaskan bahawa isu kelemahan membaca masih berlaku walaupun Pendidikan semakin berkembang, manakala penggunaan TMK dalam PdPc masih rendah serta bahan bacaan digital Tamil bersifat interaktif masih terhad. Justeru, BCTal diperkenalkan sebagai intervensi pengajaran yang dirancang menggunakan elemen visual, animasi, audio serta ciri interaktif seiring konsep pembelajaran maya (VR) bagi menarik minat, meningkatkan tumpuan dan seterusnya membolehkan murid menguasai kemahiran membaca secara lebih berkesan. Objektif kajian telah dijelaskan merangkumi tiga fokus utama iaitu minat, penglibatan dan kemahiran membaca, manakala persoalan kajian dibentuk selari bagi menjawab setiap objektif penyelidikan. Kepentingan kajian turut menerangkan implikasi positif terhadap guru, murid dan sekolah, manakala batasan kajian memperincikan skop penyelidikan yang melibatkan dua buah sekolah dan lapan peserta yang dipilih berdasarkan tahap kelemahan literasi. Secara keseluruhan, bab ini menyediakan landasan kukuh bagi meneruskan kajian ini melalui pembangunan BCTal sebagai BBM digital yang inovatif.

